

28/11/1997

Potongan harga istimewa

MARI tidur di Hotel Bukit Merah dan mari bersuka ria di taman tema air Bukit Merah dengan potongan harga berpatutan.

Tapi, tawaran ini hanya terhad kepada peserta pertandingan memancing di Tasik Bukit Merah, Taiping, 28 Disember ini anjuran Syarikat Pikat Abadi Sdn Bhd dengan kerjasama Emkay Holding.

Oleh itu, kalau nak bawa anak isteri bermain di taman tema air yang baru dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 13 November lalu, jangan lupa mengambil bahagian dalam pertandingan paling lumayan ini.

Pengarah Eksekutif Pikat Abadi, Abdul Ghalim Ahmad, berkata pihaknya kini di peringkat akhir perbincangan dengan pemaju Bukit Merah bagi memberikan diskaun hotel dan taman tema air pada hari pertandingan.

"Apa yang pasti, setiap peserta akan mendapat keuntungan dari segi potongan harga penginapan. Tetapi saya belum boleh memberi kata putus berapa peratus potongan yang boleh diberikan. Tunggu minggu depan."

"Saya masih menanti kata putus pihak pemaju mengenai hal ini. Keutamaan tetap diberikan kepada peserta pertandingan. Oleh itu, mereka yang mahu membawa anak isteri berkelah dan bermandi-manda di taman tema air Bukit Merah, jangan lupa mendaftar menyertai pertandingan ini."

"Lagipun bukan selalu kita boleh dapat potongan harga seperti ini," katanya.

Kadar sekarang (promosi) bagi penginapan hotel di Tasik Bukit Merah ialah RM98 (bilik superior) dan RM118 (bilik deluxe) untuk satu malam. Selepas 23 Januari 1998, kadar sewa bilik hotel ialah RM150 (superior) dan RM175 (deluxe). Bayaran masuk ke taman tema air pula ialah RM15 seorang (dewasa) dan RM10 (kanak-kanak 3-12 tahun).

Apa nak tunggu lagi. Cepat daftar di Pikat Abadi kerana tempat terhad dan hadiah pula cukup lumayan. Tarikh tutup ialah pada 22 Disember ini.

Tak perlu kerja susah-susah atau berlatih siang malam. Anda hanya perlu membayar yuran RM80 atau RM100 dan sediakan umpan sementara menanti hadiah wang tunai RM10,000 datang menjengah. Lagipun ini musim cuti sekolah... bila lagi nak bawa anak isteri bersiar-siar...

(END)